

## STRATEGI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN

**NAMA PUSAT : LET'S GET CRAFTY**  
**FUNGSI : KRAF & KREATIF**  
**TAJUK/ TEMA : WOW! BANYAKNYA GIGI!**

BI L	PERKARA	CATATAN	
1.	<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	KE 3.3	Menzahirkan idea kreatif dalam penghasilan karya seni (EkspresiKreatif).
2.	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	KE 3.3.6 (5+)	Menghasilkan karya kreatif menggunakan bahan kitar semula.
3.	<b>STREAM</b>	<b>S</b>	Mengelaskan peralatan penjagaan gigi mengikut fungsi
		<b>T</b>	Botol air, warna air (putih), spray warna (hitam)
		<b>R</b>	Sikap toleransi dan bekerjasama
		<b>E</b>	Membina model gigi menggunakan bahan kitar semula dan kos rendah
		<b>A</b>	Menceritakan hasil kerja
		<b>M</b>	Mengenal pasti waktu yang sesuai untuk memberus gigi
4.	<b>OBJEKTIF PEMBELAJARAN</b>		Pada akhir pembelajaran, kanak-kanak Menghasilkan karya kreatif menggunakan bahan kitar semula.
5.	<b>BBM</b>	Video Muzik, Botol Air, Berus, Warna Air, Gunting, Pisau, Pen Marker, Kertas Pasir	
6.	<b>NILAI MURNI</b>	Bekerjasama	
7.	<b><u>STRATEGI PELAKSANAAN</u></b>		
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kanak-kanak dibawa ke pusat pembelajaran.</li> <li>2. Guru menerangkan tentang aktiviti yang akan dijalankan.</li> </ol>		

3. Guru bertanya soalan kepada kanak-kanak ; contohnya;

- Bilakah masa yang sesuai untuk memberus gigi?
- Gigi yang sihat berwarna apa?
- Ada berapa jumlah gigi semuanya?
- Gigi yang rosak berwarna apa?
- Alatan apa yang digunakan untuk memberus gigi?

### **Membuat Model Gigi Menggunakan Bahan Terbuang**

1. Kanak-kanak melihat model gigi yang cikgu disediakan dan melakarnya mengikut kreativiti masing-masing.
2. Kanak-kanak bersama guru berbincang mengenai bahan-bahan terpakai yang diperlukan untuk menghasilkan model gigi sihat dan rosak.
3. Kanak-kanak dibahagi mengikut kumpulan dan ketua diminta mengambil bahan-bahan.
4. Setiap kumpulan akan mengukur botol mengikut ketinggian yang diperlukan dan memotong menggunakan gunting dan kertas pasir dengan bimbingan guru.
5. Kanak-kanak boleh memilih untuk mengecat botol minuman itu berwarna putih( gigi sihat) atau hitam (gigi rosak).
6. Selepas selesai aktiviti mengecat gigi, kanak-kanak diberi lembaran kerja berkaitan kepentingan menggosok gigi untuk menghindari kerosakan gigi.
7. Kanak-kanak akan bercerita hasil daripada aktiviti yang dijalankan.